



## Mawar tak pernah serik buat putu

JENJARUM - Anak kelahiran Sabah, Mawar Hamid, 39, sanggup belajar menghasilkan putu dan tidak pernah serik biarpun cubaananya menghasilkan makanan tradisi orang Sabah-Bugis itu tidak menepati selera.

Menurutnya, beberapa kali putu yang dihasilkannya dikritik keluarga kerana tidak menepati cita rasa.

"Saya usaha cari resipi, tanya makcik, kawan-kawan macam mana nak buat... sebab makanan ni tak ada di Kuala Langat.

"Bila dah jumpa resipi, saya cuba buat berkali-kali tapi keluarga menolak sebab tak kena dengan selera mereka," katanya.

Mawar berkata, nama makanan itu menyerupai sejenis kuih di daerah ini namun berbeza dari segi ramuan dan cara membuatnya.

*Selera kita*

Katanya, putu itu sejenis makanan harian yang dimakan pada waktu pagi ketika sarapan atau hidangan minum petang masyarakat di Sabah.

"Namanya tak pelik cuma cara masaknya perluk sebab guna peralatan memasak khas yang hanya ada dijual di Tawau dan Indonesia.

"Makanan ni berdasarkan tepung beras yang dicampurkan tepung pulut dan dibancuh dengan sedikit air dan garam sebelum dimasukkan dalam bekas khas untuk dimasak," katanya.

Menurut ibu dua anak ini, proses masakannya tidak mengambil masa dan ia sedap dimakan bersama sambal.

"Saya masak putu ni sekejap saja... bila dah nampak wap dia boleh angkat. Lepas tu terus letak dalam bekas yang diisi kelapa dan masukkan dalam daun pisang.

"Nak buat sambalnya pun senang, guna cili hidup, bawang merah dan tomato. Cumanya kena masak lama sikit dalam dua jam sampai naik bau, baru sedap," katanya.

Katanya, keenakan makanan itu turut dikongsikan dengan rakan-rakan dan keluarganya.

"Ada juga kawan-kawan yang tak pernah makan putu ni sehingga dia rasa masakan saya. Ramai juga yang tanya tentang putu ni..."

"Bila tengok sambutan macam ni, saya teringin nak jadikan makanan ni hidangan harian orang Melayu di Kuala Langat pula," katanya.

Mawar menunjukkan kemahirannya membuat putu.



# Terpaksa beri anak mi segera

Ibu tunggal tak putus asa pergi rumah ke rumah cari kerja, sara hidup

**BANTING** - "Bila akak tak cukup duit, akak terpaksa masak mi segera untuk anak, akak risau dia laper," demikian luahan seorang ibu tunggal, V Letchemy, 38.

Menurutnya, dia terpaksa bekerja sebagai pembantu rumah harian untuk menyara kehidupannya dan seorang anaknya, K Kartikesan, 7, sejak berpisah dengan suaminya.

"Saya memang kena kerja keras untuk cari duit... kalau tak ada kerja, tak ada duit dan kami nak makan apa? Saya memang simpan bekalan mi segera, sesak-sesak boleh makan.

"Saya juga kena berjimat dan ada masanya kena masak mi segera untuk anak sebab takut dia laper, tapi sampai bila saya nak bagi dia makan mi segera setiap hari," katanya kepada *Sinar Harian* selepas menerima kunjungan

Ziarah Prihatin Skuad Sayang di rumahnya, semalam.

Menurutnya, dia tidak pernah putus asa untuk pergi rumah ke rumah yang memerlukan khidmat pembantu.

"Saya akan usaha juga cari kerja untuk pastikan saya boleh bayar sewa rumah dan sara hidup kami berdua. Walaupun dapat tak banyak mana sekitar RM500 ke RM600... itu dah cukup bagus.

"Nak ikutkan memang tak cukup... tapi kalau saya nak kerja dari pagi sampai petang, siapa pula nak tolong jaga anak? kalau nak hantar orang memang saya tak mampu.

"Nak tak nak saya kena ikat perut sebab banyak yang nak kena bayar.. rumah sewa saja dah RM400 sebulan, yuran dan belanja sekolah anak, keperluan harian dan macam-macam lagi," katanya.



Letchemy sempat menyusun sebahagian keperluan makanan dibantu Rozana dan Skuad Sayang di rumahnya, semalam.

Dalam pada itu, Letchemy berkata, dia tidak pernah terfikir ada pihak prihatin dengan kehidupannya dua beranak.

"Terima kasih sebab datang rumah dan bantu kami dengan barang keperluan da-

pur ni. Ringan juga beban saya," katanya.

Sementara itu, Pengurus Majlis Pembangunan Wanita Dan Keluarga (MPWK) Parlimen Kuala Langat, Rozana Kamarulzaman berkata, pihak-

nya bersedia memberi khidmat sokongan dan kaunseling kepada semua bangsa selain membantu menyalurkan bantuan sekiranya layak.

Menurutnya, ibu tunggal antara golongan yang cekal da-

lam membesarakan anak-anak selepas ketidaaan suami.

"Bagi kes Letchemy ini, saya lihat dia gigih berusaha dan sanggup mencari pekerjaan sampingan menjadi pembantu rumah sebab nak sara anak... kita puji sikapnya ni.

"Malah, dia sendiri ambil, isi dan dapatkan penge-sahan borang permohonan bantuan untuk dihantar ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya yang akan me-manjangan permohonan itu ke JKM Kuala Langat.

Katanya, Skuad Sayang akan terus mendekati rakyat, terutama ibu tunggal untuk memberikan sokongan moral dalam meneruskan kehidupan.

"Ibu tunggal ni kuat, tapi ada masanya lemah... bukan sebab mengalah tapi mereka perlukan sokongan," katanya.